

28/01/2000

Projek tebatan banjir dikaji semula

Manzaidi Mohd Amin

PASIR MAS, Khamis - Projek Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Kelantan (RTBLSK) bernilai kira-kira RM1.5 bilion untuk menangani masalah banjir di negeri ini, yang dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 26 November lalu akan dikaji semula.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Paduka Ibrahim Ali, berkata keputusan itu dibuat selepas Kerajaan Pusat mengambil kira pelbagai faktor termasuk keengganan rakyat menerima pembangunan yang dirancang Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum lalu.

"Dr Mahathir sendiri mengumumkan kelulusan peruntukan bagi projek berkenaan melalui majlis peletakan batu asas di Sekolah Kebangsaan Othman Talib, di sini, pada 26 November lalu.

"Malangnya, usaha itu ditolak rakyat Kelantan melalui pilihan raya sekali gus memperlihatkan mereka lebih berminat berada dalam kemunduran di bawah pemerintahan kerajaan Pas. Oleh itu, kita terpaksa mengkaji semula projek berkenaan," katanya kepada Berita Harian, di sini ketika dihubungi di Kuala Lumpur, hari ini.

Mengikut perancangan asal, pembinaan RTBLSK itu oleh sebuah syarikat Bumiputera di Kuala Lumpur akan mengambil masa lima tahun untuk siap dan dijangka dimulakan tahun ini.

Bagaimanapun, ia terpaksa ditangguhkan berikutan BN mengalami kekalahan teruk dalam pilihan raya umum ke 10 pada 29 November lalu, sekali gus memberi peluang kepada kerajaan Pas untuk menerajui Kelantan bagi tiga penggal berturut-turut.

Ibrahim yang juga Ketua Umno bahagian Pasir Mas berkata, jika projek itu diteruskan, hampir 84 peratus daripada keluasan muka bumi negeri ini dapat diselamatkan daripada mengalami kerosakan teruk akibat bencana alam seperti banjir.

"Kedatangan banjir bukan sahaja merosakkan kawasan pertanian, harta benda awam dan malah turut menjejaskan pertumbuhan ekonomi negeri yang memaksa Kerajaan Pusat membelanjakan berpuluh juta ringgit setiap tahun bagi memulihkan kerosakan itu.

"Mengikut sejarah, Kelantan pernah mengalami bencana paling buruk pada 1967 di mana seramai 537,000 orang atau 84 peratus daripada jumlah penduduknya terjejas akibat bencana itu, 125,000 orang dipindahkan manakala 38 orang mati lemas.

"Masalah ini berlaku berpunca daripada kemunduran sistem pembangunan akibat kelemahan pentadbiran kerajaan negeri yang memerintah," katanya.

Di samping itu, kata beliau, bencana banjir juga boleh mengugat prasarana dan pertumbuhan ekonomi negeri termasuk menimbulkan ketakutan pelabur untuk membuat urus niaga.

(END)